

11 APR 1998
MTUC-Pinjaman
KEPUTUSAN MTEN SELAMATKAN PEKERJA

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) melonggarkan syarat pinjaman perumahan dan kenderaan dapat mengekalkan pekerja yang terbabit dengan kedua-dua sektor itu daripada hilang pekerjaan mereka.

Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Zainal Rampak dalam kenyataannya hari ini berkata, kegawatan ekonomi negara ketika ini menyebabkan banyak tenaga kerja terutama di sektor perumahan hilang pekerjaan.

Beliau yang menyambut baik keputusan MTEN itu juga berkata, rakyat berpendapatan rendah dan sederhana mampu memliki rumah secara bayaran ansuran serta dapat menggalakkan perkembangan industri perumahan negara.

Mesyuarat MTEN yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam memutuskan melonggarkan pinjaman perumahan berharga kurang RM150,000 serta had pinjaman kenderaan dinaikkan maksimum kepada 85 peratus berbanding 70 sekarang dan dilanjutkan dari lima tahun kepada tujuh tahun bagi kenderaan berharga kurang RM40,000.

Sehubungan itu, MTUC menyeru institusi kewangan menyambut baik keputusan berkenaan.

Sementara itu, beliau turut meminta Bank Negara mengawal Kadar Pinjaman Asas (BLR) yang tinggi ketika ini.

"Sekiranya kerajaan dan MTEN telah berusaha memulihkan ekonomi melalui dua perkara berkenaan, tetapi institusi kewangan terus menaikkan faedah pinjaman, maka usaha-usaha yang baik ini tidak akan berjaya," katanya.

MTUC turut meminta golongan kaya menyimpan wang di institusi kewangan tempatan selain pelabur asing memandangkan keuntungan dan pendapatan yang diperolehi merupakan hasil dan diusahakan rakyat negara ini, katanya. --
BERNAMA

RZS AKD